

Dalam Negeri



SEBAHAGIAN daripada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan SK Gual Tinggi di Rantau Panjang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI



SEORANG penduduk meredah banjir bersama anaknya ketika melalui Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang di Kelantan, semalam.

● 4,000 mangsa di Terengganu, Kelantan ● Keadaan di Perak pulih sepenuhnya

Banjir di Pantai Timur semakin teruk

Oleh RADHUAN HUSSAIN, MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan AMIZUL TUNIZAR AHMAD TERMIZI
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Keadaan banjir di Terengganu dan Kelantan bertambah buruk dengan jumlah keseluruhan mangsa di kedua-dua buah negeri itu terus meningkat daripada 1,084 semalam kepada 3,983 orang, lewat petang ini. Bagaimanapun banjir yang melanda beberapa kawasan di Perak telah surut sepenuhnya dan kesemua empat pusat pemindahan sementara yang dibuka sejak 25 Februari lalu ditutup pagi ini.

Di **Kuala Terengganu**, jumlah mangsa terus meningkat kepada 3,156 orang daripada 805 keluarga yang dipindahkan ke 42 pusat pemindahan berikutan hujan yang berterusan sejak tiga hari lalu.

Jumlah itu meningkat mendadak berbanding 628 orang daripada 206 keluarga yang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan di beberapa daerah yang dilanda banjir di negeri tersebut petang semalam.

Kesemua mangsa yang dipindahkan sejak tengah malam tadi sehingga pukul 6.30 petang ini, melibatkan empat buah daerah dengan Besut mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 2,177 orang diikuti Setiu (618), Hulu Terengganu (339) dan Dungun (22).

Dalam pada itu, hampir 14,000 pelajar di negeri ini diarahkan bercuti selepas 27 buah sekolah ditutup setakat ini akibat banjir.

Di **Kota Bharu**, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat pemindahan terus meningkat kepada 827 orang meskipun kebanyakan tempat tidak mengalami hujan sepanjang hari ini.

Peningkatan jumlah mangsa berlaku di tujuh daerah iaitu Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh, Kuala Krai, Kota Bharu, Machang dan Tumpat.

Kesemua mangsa daripada 240 buah keluarga itu dipindahkan ke 20 pusat pemindahan berbanding semalam, hanya lapan pusat pemindahan dibuka yang menempatkan 456 mangsa.

Dalam pada itu, sebanyak 33 buah sekolah di seluruh negeri telah ditutup akibat ditenggelami air dan terputus hubungan.

Di **Ipoh**, Ketua Cawangan Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Penguasa Bomba Khairil Adli Zakaria berkata, kesemua 119 mangsa banjir yang ditempatkan di empat pusat pemindahan itu juga sudah dibenarkan pulang bermula pukul 9 pagi ini.



BANJIR menenggelamkan sebatang jalan di hadapan sebuah masjid di bandar Jertih, Terengganu, semalam.